

SUKAN MALAM – GAYA HIDUP BARU BELIA

Prof. Dr. Samsudin A. Rahim

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

Baru-baru ini Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said mengumumkan pelancaran Sukan Malam atau Night Sport sebagai satu lagi peluang mengisi masa lapang di kalangan belia di negara ini. Sukan Malam ini akan menawarkan kemudahan untuk sukan konvensional seperti bola jaring, futsal, go-kart dan motosikal.

Indeks Belia Malaysia menunjukkan keterlibatan golongan muda dalam aktiviti rekreasi dan sukan adalah rendah iaitu kurang 30 peratus. Ini tidak bermakna golongan muda tidak berminat dengan aktiviti masa lapang yang positif. Minat mereka terhadap aktiviti masa lapang tinggi iaitu di sekitar 80 peratus. Persoalannya kenapakah terdapat jurang antara minat dengan tingkah laku sebenar mengisi masa lapang?. Dua faktor mungkin mempengaruhi jurang tersebut iaitu kekurangan tempat yang sesuai dan juga masa lapang yang tidak sesuai.

Dari segi kemudahan sukan, telah banyak diwujudkan baik yang dikendalikan oleh kerajaan ataupun kini oleh pihak swasta. Usaha mewujudkan Sukan Malam ini bertujuan menyelaraskan antara permintaan untuk bersukan dan berekreasi dengan penyediaan tempat yang sesuai. Dalam istilah ekonomi ia dikatakan sebagai mencari keselarasan antara penawaran kemudahan sukan dengan permintaan untuk bersukan di kalangan golongan muda.

Kita perlu melihat pelancaran Sukan Malam sebagai satu daya inovatif bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan untuk memastikan golongan belia menjalani satu gaya hidup yang cergas dan sihat. Kita tidak boleh melihat Sukan Malam sebagai sesuatu yang negatif yang akan menggalakkan belia keluar rumah di waktu malam dan terbabit dengan salah laku.

Negara kita telah berkembang pesat dalam pembangunan ekonomi. Selaras dengan itu telah muncul masyarakat kelas menengah yang dengan sendirinya mengubah gaya hidup mereka. Gaya hidup masyarakat Malaysia sendiri turut berubah.

Pola waktu bekerja, waktu santai dengan waktu bersukan juga mengalami perubahan. Begitu juga jenis-jenis sukan dan aktiviti rekreasi juga mengalami perubahan. Anak-anak muda mula meminati sukan-sukan yang bukan tradisional di negara ini.

Mereka meminati permainan futsal yang sering kali diadakan di waktu malam. Kalau di negara Barat aktiviti rekreasi mereka di pengaruhi oleh musim-musim tertentu. Pada musim panas mereka menumpukan lebih kepada sukan di

padang dan pada musim sejuk mereka lebih tertumpu kepada sukan dalam dewan.

Oleh kerana negara kita tidak bermusim, ada baiknya kita mengoptimumkan masa lapang golongan belia dengan memberikan mereka peluang berekreasi di waktu malam kerana mereka mempunyai banyak masa yang terluang waktu berkenaan.

Gaya hidup golongan belia kelas menengah ini yang banyak terdapat di bandar sudah banyak berubah. Mereka semakin berminat dengan aktiviti sukan yang baru seperti futsal, bola keranjang dan sukan bermotor.

Pengaruh media yang menyiarkan perlawanan secara langsung dari luar negara turut mempengaruhi minat mereka.

Kajian Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia juga mendapati belia di negara ini akan menggunakan masa lapan jam untuk tidur, empat jam sebagai waktu senggang, tiga jam membuat kerja-kerja menghias diri dan mengemas tempat kediaman dan tiga jam lagi sebagai masa lapang yang tidak diperuntukkan untuk aktiviti yang khusus.

Sukan Malam yang dianjurkan oleh KBS adalah satu pendekatan pembangunan belia positif untuk mengisi waktu senggang golongan belia. Golongan belia diberikan alternatif untuk mengisi masa lapang mereka pada waktu lapang. Belia yang dapat mengalami pembangunan positif akan lebih berkemungkinan tidak akan terbabat dengan salah laku.

Kita mesti keluar daripada perunggu minda yang sedia ada. Kita perlu melihat secara positif sesuatu yang inovatif dan kreatif. Sukan Malam adalah satu motivasi untuk menyelaraskan permintaan aktiviti waktu senggang dengan penyediaan kemudahan sukan bagi mengoptimumkan pembangunan belia yang cergas, sihat dan bersatu